



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : prot@kpkt.gov.my

(11) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

16 November 2009

SIARAN MEDIA

40% SISA PEPEJAL BOLEH DIKITAR SEMULA.

MUKAH, SARAWAK 16 Januari 2010, Kerajaan dapat menjimatkan kos pelupusan sisa pepejal jika sebahagian daripada sisa pepejal ini dapat diasingkan (segregated) dan disisihkan (diverted) kerana dianggarkan lebih 40 peratus daripada sisa pepejal merupakan bahan yang boleh dikitar semula, kata Datuk Seri Lajim Haji Ukin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan selepas merasmikan program kempen kitar semula peringkat Negeri sarawak di Tabuan Jaya, kuching di sini

Katanya, dianggarkan lebih 40% dan kerajaan amat prihatin tentang pengurusan sisa pepejal di negara ini memandangkan pembuangan dan pelupusan sisa pepejal semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Tambahnya, pada tahun 2002 sahaja, sebanyak 17,000 tan sisa pepejal dijana setiap hari dan jumlah ini bertambah kepada 19,000 tan sehari pada tahun 2005 dan dijangka akan mencecah kepada 30,000 tan sisa pepejal dijana setiap hari menjelang tahun 2020.

Lajim berkata, melaksanakan Program Kitar Semula secara intensif, kekangan kepada masalah kekurangan kawasan tanah untuk menyediakan kemudahan pengurusan sisa pepejal seperti tapak pelupusan sanitari dapat diminimakan.

Beliau berkata, semenjak Program Kitar Semula diperkenalkan, didapati bahawa kesedaran masyarakat terhadap kitar semula telah dipertingkatkan dan ini jelas dilihat daripada pertanyaan dan sokongan yang banyak diterima oleh pihak Kementerian daripada pelbagai pihak seperti orang awam, sektor korporat, NGO dan institusi-institusi pengajian tinggi serta institusi pendidikan.

Pihak-pihak tersebut didapati semakin aktif melaksanakan aktiviti kitar semula secara berjadual dan berterusan. Misalnya terdapat NGO mengadakan minggu mengitar semula, sekolah-sekolah menubuhkan kelab persekitaran dan kitar semula dan pejabat-pejabat mengadakan program-program yang menjurus kepada pengurangan penghasilan sisa pepejal, jelasnya.

Beliau menambah, kesedaran terhadap kitar semula ini juga berjaya diwujudkan di kalangan sektor korporat di mana terdapat sebilangan syarikat swasta yang terkenal telah mengadakan kempen kitar semula masing-masing serta mewujudkan sistem untuk mendapatkan semula pakej atau produk mereka yang telah digunakan oleh pembeli/pengguna untuk dikitar semula.

Katanya, usaha kitar semula ini juga merupakan langkah awal Kementerian dalam menguatkuasakan peruntukan yang membolehkan Kerajaan menetapkan supaya sisa pepejal yang boleh dikitar semula diasingkan seperti yang terkandung dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Akta yang terpakai di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan ini juga menetapkan mana-mana pihak yang mengusahakan, menyediakan, mengendalikan apa-apa kemudahan atau perkhidmatan perlu mempunyai lesen, katanya.

Sistem kutipan barangan kitar semula dari pintu rumah-rumah pengguna (*kerbside collection*) juga telah bermula di W.P Putrajaya sejak tahun 2005 di mana daripada maklumat statistik Kementerian menunjukkan terdapat peningkatan kutipan bahan kitar semula daripada 740 tan pada 2008 kepada 970 tan pada

tahun 2009, katanya lagi.

Lajim menambah, Program Kitar Semula ini memerlukan penglibatan banyak pihak iaitu bermula daripada individu yang menghasilkan sisa pepejal, pihak yang mengambil barangan kitar semula, pihak yang mengitar semula serta pihak yang menjalankan program-program kesedaran kitar semula.

Jelasnya, bahan kitar semula seperti kertas, plastik, kaca dan logam diperlukan oleh industri pembuatan tempatan untuk membuat produk seperti kertas akhbar, botol plastik, botol kaca dan bahan binaan berasaskan logam.

Disebabkan kadar kitar semula di seluruh negara yang rendah - di bawah 5% - kita terpaksa mengimport bahan kitar semula yang berasal dari sisa pepejal dari negara luar. Ini menyebabkan negara kerugian pertukaran wang mata asing bernilai berbilion-bilion ringgit, tambahnya.

Katanya, memandangkan kitar semula adalah penting untuk kesejahteraan negara, rakyat dan alam sekitar, Kerajaan komited untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 22% menjelang tahun 2020.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Encik Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke wanzainalshahrman@kpkt.gov.my